BAB 4

MEMPERKASAKAN POTENSI APLIKASI **MUDAH ALIH BAGI PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU**

Yahya Jahawi dan Syahrul Nizam Junaini

Pengenalan

Telefon pintar dan tablet mempunyai prospek cerah sebagai alat Pembelajaran Bahasa Berbantukan Teknologi Mudah Alih (Mobile Assisted Language Learning atau MALL) pada abad ke-21. Proses pembelajaran bahasa juga tidak dapat lari daripada terkena tempias kecanggihan teknologi ini. Kini MALL mula menampakkan popularitinya, walaupun penggunaan buku teks bercetak masih digunakan hingga hari ini. Kelebihan yang ada pada MALL adalah dari segi interaktiviti yang tidak dimiliki buku bercetak. MALL juga dipercayai mampu menarik minat pelajar apatah lagi apabila aplikasi pembelajaran bahasa dihasilkan dengan kreatif dan inovatif. Kini terdapat banyak aplikasi pembelajaran mudah alih di pasaran. Namun aplikasi pembelajaran bahasa keluaran syarikat tempatan agak terhad. Sudah tentu perkara ini menjadi isu dan cabaran ke arah keberkesanan penggunaan teknologi mudah alih terutama bagi pembelajaran bahasa Melayu.

Justeru, kami mengambil inisiatif membangunkan sebuah aplikasi pembelajaran mudah alih yang dinamakan Bijak ABC. Ia dibangunkan sebagai mengisi lopong dalam kekurangan aplikasi mudah alih berkaitan pembelajaran bahasa tempatan. Bijak ABC berusaha memudahkan antara muka pengguna supaya padan dengan pengguna sasaran, iaitu kanak-kanak peringkat prasekolah. Objektif projek ini adalah seperti yang berikut:

- 1. Untuk menghasilkan aplikasi pembelajaran interaktif menggunakan animasi.
- 2. Untuk menghasilkan aplikasi yang dapat dijadikan alat bantu mengajar.
- 3. Untuk mengkaji maklum balas penggunaan aplikasi oleh pelajar dan guru.